

08/05/2002

Ucapan PM jadi resolusi muktamar

INTIPATI uapama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwal hari ini, akan dijadikan salah satu resolusi muktamar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata ia dicadangkan perwakilan Maghribi dan Jordan.

"Ucapan beliau berterus terang dan jelas menyuarakan keikhlasan dalam usaha memartabatkan umat Islam. Walaupun delegasi terdiri daripada ulama terkenal, mereka mengakui pandangan Perdana Menteri adalah bernas," katanya pada sidang akhbar selepas sesi keempat muktamar itu.

Dalam uapamanya, Dr Mahathir mengingatkan umat Islam kepentingan pengetahuan dan kemahiran sebagai penyumbang kesejahteraan ummah adalah tanggungjawab utama umat Islam.

Katanya, umat Islam perlu meningkatkan pengetahuan sebagai langkah pertama memenuhi tuntutan Islam sebelum menggunakan kekayaan untuk kesejahteraan ummah.

Abdul Hamid berkata, pujian delegasi terhadap Perdana Menteri membuktikan beliau bukan sekadar pemimpin, malah pemikir Islam, sekali gus menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Dr Mahathir anti ulama.

(END)